

# Veteran UMNO mahu Abdullah diberi peluang

Um - 27/10/2006

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Para pemimpin veteran UMNO hari ini meminta Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi peluang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membuktikan kemampuannya untuk mentadbir negara.

Mereka juga berpendapat, Abdullah perlu diberi sokongan kerana tanpa sokongan tidak ada seorang pemimpin pun yang akan kuat dan dapat mentadbir negara dengan baik.

Menurut Tan Sri Aishah Ghani, setiap pemimpin itu memerlukan masa untuk membuktikan keupayaan dan kemampuannya dalam mentadbir negara.

"Pemimpin yang ada perlu diberi sokongan dan diberi masa. Masa Tun (Dr. Mahathir) naik semua orang sokong. Pemimpin kuat kerana sokongan. Kalau tak sokong, macam mana nak kuat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Dr. Mahathir yang terus mengkritik Perdana Menteri walaupun selepas mereka mengadakan pertemuan empat mata.

Semalam, beberapa pemimpin tertinggi UMNO berpendapat, tindakan bekas Perdana Menteri itu terus mengkritik Abdullah secara terbuka bercanggah dengan prinsip parti.

Malah, mereka mendesak bekas Perdana Menteri itu supaya menghentikan tindakan tersebut sebagai menghormati parti dan Abdullah sendiri yang mengetuai pentadbiran negara dan UMNO.

Dalam hal ini, pemimpin veteran wanita UMNO itu berkata, beliau tidak mahu berlaku keadaan seperti kata pepatah 'gajah sama gajah berlaga, pelanduk tersepit di tengah-tengah'.

Aishah berkata, apa yang berlaku sebenarnya hanya menambahkan lagi masalah yang sedang dihadapi oleh orang Melayu di negara ini.

"Saya dukacita dan sedih. Diharapkan pertemuan empat mata membawa hasil yang positif. Tetapi bila baca berita pada Hari Raya pertama, saya sedih.

"Apa yang berlaku tidak elok kerana cabaran orang Melayu sekarang cukup banyak. Buat macam ini akan hanya melemahkan parti dan orang Melayu. Kesannya sangat banyak," katanya.

Aishah berpendapat, sebenarnya tiada individu yang boleh menasihatkan kedua-dua pemimpin terbabit kerana mereka adalah 'orang pandai dan tidak perlukan nasihat'.

Sehubungan itu, beliau berharap akan ada lagi pertemuan antara kedua-dua pemimpin terbabit untuk menjernihkan keadaan demi kebaikan semua.

Sementara itu, Tan Sri Aziz Tapa berpendapat, Dr. Mahathir perlu memberi peluang kepada Abdullah untuk mentadbir negara.

"Beliau telah membangunkan negara lebih 20 tahun dan sekarang beri peluang kepada Abdullah pula. Tun (Dr. Mahathir) kena bersabar," katanya.

Aziz berpendapat, tindakan Dr. Mahathir yang terus mengkritik Abdullah walaupun setelah mengadakan pertemuan empat mata hanya menunjukkan sifat orang Melayu yang terlalu suka bermain dengan perasaan.

Dalam hal ini, katanya, bekas Perdana Menteri itu sewajarnya memahami hasrat dan harapan orang ramai serta ahli-ahli UMNO yang berharap pertemuan beliau dengan Abdullah dapat menamatkan masalah yang timbul antara mereka berdua.